



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **23 Sep 2020 (Rabu)**

#### **Berita Harian**

Sultan Selangor berkenan kurnia watikah pelantikan 1

#### **Utusan Malaysia**

Golf ulang tahun UDA ke-50 2

Pupuk budaya bersih 3

Tidak wujud 'tangan ghaib' 4

#### **Harian Metro**

'Dia dahulu mengaku taubat' 5

Ikat jamit RM400,000 setiap seorang 6

'Tiada konspirasi' 7

#### **Kosmo**

Lima dibenar ikat jamin RM2 juta 8

Abdul Kahar belajar setakat darjah lima 9

#### **Sinar Harian**

Jalin kerjasama tangani ajaran sesat 10

Sultan lantik empat Hakim Syarie 11

Tengku Ahmad Shah dikurnia gelaran Tengku Panglima Raja Selangor 12

Bukan hanya salah Sathianathan 13

#### **The Star**

Elderly group taught to keep ailments afflicting them at bay 14

Five charged over pollution granted RM400k bail each 15

No escape for culprit behind river discolouration 16

Sea Park residents fear condo project will cause traffic congestion 17

#### **New Straits Times**

5 ACCUSED IN SG GONG POLLUTION CASE RELEASED ON BAIL 18

SMEs can play their part in creating a sustainable future 19

#### **The Sun**

Sungai Gong pollution suspects released on bail 20

#### **The Edge CEO Morning Brief**

More court stories: 21



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>23 September 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor berkenan kurnia watikah pelantikan
Muka Surat	:	19

#### 4 Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

## Sultan Selangor berkenan kurnia watikah pelantikan

**Shah Alam:** Sultan Selangor Sultan, Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada empat Hakim Syariah sebagai Anggota Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah negeri, pada istiadat ringkas di Istana Bukit Kayangan di sini, semalam.

Empat anggota panel tetap yang dilantik itu adalah Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan tiga Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM iaitu Mohd Amran Mat Zain, Datuk Mohamad Shakir Abdul Hamid dan Othman Ibrahim.

Pelantikan Mohd Na'im dan Mohd Amran berkuat kuasa 25 Ogos lalu hingga 24 Ogos 2023, manakala pelantikan Mohamad Shakir serta Othman berkuat kuasa 4 Mei lalu hingga 3 Mei 2023 selaras dengan Subseksyen 57(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada sembilan Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Selangor, dua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor; seorang Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dan tiga Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Selangor.

Pelantikan yang berkuat kuasa 9 Mei, 13 Mei dan 25 Ogos lalu itu dibuat mengikut Subseksyen 59(1), Seksyen 60 dan 60(b) serta 60(c) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Turut berangkat ke istiadat berkenaan adalah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Yang turut hadir, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohammed Kushrin Munawi dan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

Pada istiadat sama, Sultan Sharafuddin berkenan melancarkan Pelan Strategik MAIS 2020-2024 (PSM 2020-2024).

PSM 2020-2024 merangkumi sembilan strategi antaranya melahirkan generasi rabbani, pemerkasaan usahawan Muslim dalam



**Sultan Sharafuddin berkenan** mengurniakan watikah pelantikan kepada Mohd Na'im di Istana Bukit Kayangan, semalam.

industri halal, memperkasakan pengurusan sumber ekonomi Islam, memantapkan peruntukan undang-undang dan kerjasama yang mapan antara agensi.

Pelan itu turut menggariskan 16 inisiatif antaranya Pelan Kekejuargaan Islam, Pelan Pendidikan Islam Bersepadu, Pelan Dakwah, Pelan Masjid Pengupayaan Um-

mah, Pelan Sokongan dan Indeks Pengurusan dan Penyampaian Perkhidmatan.

Sementara itu, Sultan Sharafuddin turut berkenan mengurniakan gelaran Tengku Panglima Raja Selangor kepada adinda baginda, Tengku Ahmad Shah.

Istana Selangor dalam satu kenyataan, memaklumkan pengurniaan gelaran itu berkuat kuasa pada 12 Ogos lalu.

Menurut kenyataan itu, pengurniaan gelaran kepada Tengku Ahmad Shah dilakukan selepas Sultan Sharafuddin berunding dengan Dewan Diraja Selangor pada sidang Mesyuarat Dewan di-Raja Selangor Ke-153.

"Beliau sebelum ini menyandang gelaran Tengku Indera Setia yang dikurniakan ketika pemerintahan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 9 Mei 1992," menurut kenyataan itu, semalam.

Sebelum ini dikurniakan kepada Tengku Sulaiman Shah dengan gelaran Tengku Panglima Diraja Selangor pada 1 Ogos 1978 hingga 30 Jun 2016. BERNAMA



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 23 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Golf ulang tahun UDA ke-50
Muka Surat	:	42



### Golf ulang tahun UDA ke-50

WALAUPUN negara masih dilanda pandemik Covid-19, namun ia tidak menghalang UDA Holdings Berhad (UDA) untuk menganjurkan kejohanan golf tahunannya di Kelab Golf Kota Seriemas, Nilai, Negeri Sembilan kelmarin.

Kejohanan yang berlangsung dalam semangat kesukanan itu disertai 60 pemain terdiri daripada wakil dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan

Koperasi (MEDAC), agensi di bawah organisasi tersebut dan wakil-wakil media.

Menurut Pengerusi UDA, Datuk Jalaluddin Alias, kejohanan golf kali ini berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya, namun semangat kesukakan para pemain amat memberangsangkan.

"Kita faham bahawa negara kita sedang berhadapan dengan isu pandemik Covid-19.

Namun semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua peserta menjadi tunjang utama kejayaan kejohanan ini.

"Apa yang penting dalam kita seronok bersukan, etika serta prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan harus kita dipatuhi dan saya lihat semua peserta akur arahan," katanya ketika berucap dalam majlis penyampaian hadiah

kepada para pemenang.

Turut menyertai kejohanan itu ialah Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA, Mohd. Salem Khallany.

Dalam kejohanan tersebut, Pengerusi UDA dinobatkan sebagai juara bagi kategori Ahli, manakala Mahyuddin Zaini dari Majlis Perbandaran Kajang muncul juara bagi kategori Jemputan.

UDA yang bakal mencecah

50 tahun penubuhannya tahun depan turut mengadakan cabutan bertuah kepada pemain-pemain yang gagal menaiki podium.

■ JALALUDDIN Alias (hadapan, sembilan dari kiri) dan Mohd. Salem Khallany (hadapan, lapan dari kiri) bersama peserta kejohanan golf UDA di Kelab Golf Kota Seriemas, Nilai, Negeri Sembilan.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 23 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pupuk budaya bersih
Muka Surat	:	42

### Pupuk budaya bersih

**MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA)** dan pertubuhan bukan kerajaan, **Malaysian Humanitarian Foundation** mengadakan program mengutip sampah, *World Clean Up Day 2020* di sekitar kawasan Seksyen 25 baru-baru ini.

Program yang disertai 200 sukarelawan terdiri daripada

50 kakitangan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBSA, kakitangan syarikat korporat dan anggota Majlis Perwakilan Penduduk Zon 9 itu bertujuan memupuk budaya membersihkan persekitaran dalam kalangan masyarakat.

Antara aktiviti dilakukan peserta adalah mengumpul,

mengutip sampah dan membersihkan persekitaran.

■ **KAKITANGAN MBSA** dan ahli **Malaysian Humanitarian Foundation** bergambar sempena sambutan *World Clean Up Day 2020* di Seksyen 25 Shah Alam, Selangor. - **UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS**







**KERATAN AKHBAR**  
**23 September 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tidak wujud 'tangan ghaib'
Muka Surat	:	47

# Tidak wujud 'tangan ghaib'

**KUALA LUMPUR:** B. Sathianathan berkuasa penuh ke atas pasukan *Red Giants* dan tidak wujud 'tangan ghaib' yang merosakkan pasukan.

Itu penegasan, Persatuan Bola Selangor (FAS) ketika diminta mengulas pendedahan pemilik Johor Darul Ta'zim (JDT), Tunku Ismail Sultan Ibrahim bahawa masalah dalam pengurusan FAS telah membawa kerosakan kepada pasukan *Red Giants*.

Tunku Ismail turut mendakwa, ada di antara pihak pengurusan ingin memainkan peranan jurulatih sehingga menyebabkan pemain hilang semangat untuk bermain.

"Saya tidak pasti dari mana maklumat itu diperolehi dan berani jamin bahawa dari aspek teknikal dalam pasukan utama iaitu Liga Super tiada campur tangan langsung mana-mana individu. Sathianathan mempunyai kuasa penuh.



**JOHAN KAMAL HAMIDON**

"Tiada orang campur tangan dari mula sampailah hari terakhir Sathianathan sebagai Ketua Jurulatih Selangor," kata Setiausaha Agung FAS, Dr. Johan Kamal Hamidon kepada *Utusan Malaysia*.

Johan juga menegaskan, tiada salah laku berlaku dalam

FAS kerana hanya beliau dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Shahril Mokhtar mempunyai kuasa menandatangani dokumen dalam sebarang operasi atau melibatkan kewangan.

Bagaimanapun jika melibatkan keputusan besar ia akan dibawa ke pengurusan tertinggi iaitu Raja Muda Selangor (RMS), Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Saya menafikan ada salah laku atau melibatkan individu yang mempunyai kepentingan peribadi dalam FAS.

"Apa yang saya boleh beritahu sebarang urusan melibatkan operasi hanya ada dua individu boleh tandatangan dokumen atau cek pembayaran.

"Kalau timbul salah laku maka kami berdua menjadi individu terawal didakwa, jadi saya berani jamin apa yang diperkatakan tidak betul," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**23 September 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Dia dahulu mengaku taubat'
Muka Surat	:	7

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
 fidahruzki@bh.com.my

**ISU AJARAN SESAT 'RASUL MELAYU'**

**Sepang**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan bekerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri bagi menangani isu ajaran sesat di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, beliau bersetuju dengan cadangan supaya ada kerjasama sedemikian berikutan bidang kuasa agama yang berbeza mengikut negeri.

Ia bagi membolehkan penularan dan perkembangan ajaran sesat seperti Rasul Melayu dapat ditangani dengan secara komprehensif.

"Insyallah saya bersetuju...kita akan laksanakan dan saya akan ambil satu peringatan dalam isu ini bersama Jakim dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan lain-lain (jabatan agama negeri)," katanya pada sidang media selepas perasmian Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia di sini, semalam.

Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat merasmikan program itu pagi semalam.

Zulkifli berkata, beliau

# 'Dia dahulu mengaku taubat'

melihat isu penularan ajaran sesat di negara ini amat terkawal namun ada keperluan menyedarkan mereka yang dengan sengaja memilih cara tidak tepat dan menyimpang daripada ajaran Islam.

Mengulas mengenai Rasul Melayu yang aktif semula dengan penahanan Abdul Kahar Ahmad Ahad lalu, Zulkifli berkata, ia cerita lama.

Beliau berkata, dalam satu lawatannya ke Penjara Kajang sebelum ini, beliau menemui Abdul Kahar yang kemudian membuat pengakuan bahawa dia sudah bertaubat.

"Jadi kita, bila orang menyatakan sudah bertaubat maka kita terima. Selepas sampai di Selangor, dia sendiri buat istitabah (pengakuan untuk bertaubat) dia.

"Kalau macam itu, selepas ini memang kita ambil pemerhatian khusus dan mungkin kita tengok setakat yang kita mampu (lakukan).

"Tetapi itu terkait kepada negeri Selangor. Kita akan cuba dapatkan sejumlah maklumat bagaimana proses selepas daripada ini," katanya.

Pada masa sama, Zulkifli berkata, pihaknya berkeungkinan melihat untuk menyediakan makalah khusus mengenai ajaran sesat bagi diedarkan kepada imam dan guru tahmid yang dilantik pihak berkuasa agama.

Semalam media melaporkan Rasul Melayu yang kembali aktif menyebarkan ajaran yang difatwakan diharamkan

pada 1991 ditahan bersama 16 pengikutnya oleh Jais di tiga lokasi berbeza, malam Ahad lalu.

Pengarah Jais Mohd Shahzihan Ahmad dilaporkan berkata, Abdul Kahar ditahan di sebuah rumah di Kemensah, Ulu Klang selepas empat tahun dibebaskan.

Pada Oktober 2009, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor memerintahkan Abdul Kahar dipenjara 10 tahun, denda RM16,500 dan enam sebatan bersabit kes penyebaran ajaran sesat.

“  
**Jadi kita, bila orang menyatakan sudah bertaubat maka kita terima**  
 Dr Zulkifli







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 23 September 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Ikat jamin RM400,000 setiap seorang
Muka Surat	:	11

# *Ikat jamin RM400,000 setiap seorang*

**Shah Alam:** Empat ahli lembaga pengarah dan seorang pengurus syarikat membaiki jentera berat yang didakwa berhubung kes pembuangan bahan berbahaya ke Sungai Gong, Rawang dibebaskan dengan ikat jamin RM400,000 setiap seorang, semalam.

Mereka sebelum ini tidak dibenarkan dijamin ketika dihadapkan di Mahkamah Sesyen Selayang, 15 September lalu dan ketika itu sudah direman sejak 5 September.

Dalam prosiding semakan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Selayang (yang tidak membenarkan jaminan) semalam, Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Norsharidah Awang membenarkan semua tertuduh termasuk empat adik-beradik itu untuk diikat jamin.

Mahkamah membenarkan masing-masing dijamin RM400,000 dengan seorang penjamin dan memerintahkan mereka menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Mahkamah turut menge-nakan syarat tambahan bahawa perintah jaminan boleh ditarik balik jika tertuduh melakukan kesalahan ketika berada dalam tempoh jaminan.

Keputusan itu dibuat selepas mahkamah menimbangkan faktor kesihatan tertuduh, keseriusan kes, kebarangkalian gangguan terhadap saksi dan faktor kes yang menarik perhatian awam.

Norsharidah membuat ke-

putusan itu selepas mende-ngar hujahan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Asnawi Abu Hanipah dan Noor Husnita Mohd Radzi manakala pembelaan diwakili peguam Datuk Akberdin Abdul Kader.

Kelima-lima tertuduh adalah empat ahli lembaga pengarah adik-beradik iaitu Yip Kok Wai, 53, Yip Kok Mun, 58, Yip Kok Kuin, 50, dan Yip Kok Wong, 60 serta pengurus bengkel, Ho Voon Leong, 59.



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>23 September 2020</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Tiada konspirasi'
Muka Surat	:	46

Oleh Firdaus Hashim  
 firdaushashim@  
 hmetro.com.my

## 'Tiada konspirasi'

Kuala Lumpur

Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) menafikan tuduhan wujud konspirasi untuk menyingkirkan B Sathianathan sejak awal musim ini.

Sebaliknya, pengendali yang ditamatkan kontrak oleh FAS kelmarin semanganya sudah dimaklumkan khidmatnya tidak akan disambung penghujung musim ini.

Jelas Setiausaha Agung FAS, Dr Johan Kamal Hamidon, tidak timbul perancangan tersembunyi untuk menganiaya Sathianathan kerana sejak awal lagi jurulatih berpengalaman itu sudah dimaklumkan mengenai kedudukannya.

### FAS nafi wujud 'perancangan jahat' singkir Sathianathan

"Sebenarnya beliau (Sathianathan) pun tahu, yang khidmatnya hanya sehingga musim ini saja kerana mulai tahun depan kita akan menggunakan jurulatih baharu.

"Walaupun dia menang piala pun (musim ini), kita tetap dengan perancangan untuk ambil jurulatih baharu dan itu sudah jelas kerana pihak pengurusan sudah ada arah tuju baharu dalam bola sepak," katanya kepada Arena Metro, semalam.

Beliau berkata, pelantikan Pengarah Teknikal (TD), Michael Feichtenbeiner sebagai jurulatih sementara

adalah keputusan pengurusan tertinggi FAS yang mahu jurulatih Jerman itu menerapkan DNA baharu dalam permainan skuad Red Giants.

"Struktur bola sepak Selangor kita nak masukkan struktur TD sebagai pegawai paling tinggi dalam Selangor. Kita nak perkenalkan struktur baharu, tapi untuk tahun pertama ini Sathianathan adalah jurulatih Liga Super bagi tahun kedua dan sebab itu kita kecilkan skop tugas TD supaya jaga Selangor II dan ke bawah.

"Maknanya peranan TD

sekarang (Feichtenbeiner) adalah untuk memperkenalkan sistem atau DNA bola sepak Selangor yang sama. Buat tahun ini Selangor II dan Piala Presiden dah gunakan cara sama, latihan sama dan kerjasama secara berkumpulan.

"Inilah perancangan jangka panjang Selangor diilhamkan oleh Raja Muda Selangor dan itu visinya. Bila tiba masanya pasukan Liga Super pun kenalah ikut serta dan selari. Dalam hal ini, Sathianathan dah tahu dan kita di FAS nak cara yang TD bawa. Bukan bermaksud cara Sathianathan

tak bagus, tapi dia ada cara dia sendiri," katanya.

Kelmarin, Sathianathan dipecat meskipun kontraknya hanya berakhir hujung musim ini gara-gara kekelahian memalukan 1-6 di tangan Johor Darul Ta'zim (JDT) di Stadium

Sultan Ibrahim pada Sabtu lalu.







<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>23 September 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lima dibenar ikat jamin RM2 juta
Muka Surat	:	3

## Lima tertuduh cemar Sungai Gong bebas ikat jamin RM2 juta

LIMA individu termasuk empat beradik dibebaskan dengan ikat jamin sebanyak RM2 juta semalam selepas lapan hari berada di Penjara Bentong, Pahang atas dakwaan pencemaran air di Sungai Gong.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 3



Empat pengarah, pengurus syarikat bebas selepas 8 hari di penjara

## Lima dibenar ikat jamin RM2 juta

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

**SHAH ALAM** – Selepas lapan hari meringkuk dalam Penjara Bentong, lima tertuduh termasuk empat beradik kes pencemaran Sungai Gong, Rawang menarik nafas lega selepas mereka dibenarkan diikat jamin sebanyak RM400,000 setiap seorang semalam.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Norsharidah Awang memutuskan demikian selepas meneliti dan mempertimbangkan hujah-hujah yang dikemukakan pihak pendakwaan dan pembealaan.

Lima tertuduh itu ialah Yip Kok Wai, 52, Yip Kok Mun, 58, Yip Kok Kuin, 50, dan Yip Kok Weng, 60, yang merupakan pengarah dan seorang pengurus syarikat sama, Ho Voon Leong, 59.

"Selepas mengambil kira faktor kesihatan, keseriusan kes, kebarangkalian gangguan terhadap saksi dan kes yang menarik perhatian awam, mahkamah memberikan perintah ikat jamin masing-masing RM400,000 dengan seorang penjamin.

"Kedua, passport kesemua tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan ketiga, sekiranya tertuduh melakukan kesalahan semasa tempoh ikat jamin, mahkamah akan menarik balik semula jaminan," katanya.



**LIMA lelaki termasuk empat beradik yang didakwa atas pertuduhan melakukan pencemaran air dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam.**

Norsharidah berkata demikian pada prosiding permohonan semakan keputusan Mahkamah Sesyen Selayang yang tidak membenarkan kelima-lima tertuduh diikat jamin di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Kelima-lima tertuduh membayar wang jaminan tersebut.

Mengikut pertuduhan pertama, lima tertuduh itu didakwa

dengan niat bersama melakukan khianat sehingga menyebabkan bahan buangan yang mengandungi bahan berbahaya daripada Bengkel Yip Chee Seng & Sons Sdn. Bhd. dilupuskan ke dalam alur air.

Pertuduhan didakwa "mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksamaan yang membawa hukuman penjara maksimum 30 tahun atau



**KERATAN Kosmo/16 September 2020.**

denda atau kedua-dua sekali.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa dengan niat bersama melepaskan bahan buangan

sama daripada bengkel sama tanpa lesen mengikut Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kesemua kesalahan itu dilakukan pada 2 dan 3 September lalu.

Terdahulu, peguam Datuk Akberdin Abdul Kader berkata, walaupun anak guamnya dituduh mengikut Sesyen 430 yang mana termasuk dalam kesalahan yang tidak boleh dijamin, namun mahkamah mempunyai budi bicara untuk memberikan jaminan dengan syarat tertentu.

Kosmo! pada 16 September lalu melaporkan lima tertuduh berhubung pencemaran Sungai Gong terkecuali apabila Mahkamah Sesyen Selayang tidak membenarkan mereka diikat jamin.

Hakim Syaifeera Mohd. Said membuat keputusan tersebut selepas mendengar dan menimbang hujah permohonan pihak pendakwaan.

Ekoran pencemaran air daripada bengkel tersebut, empat Loji Rawatan Air terpaksa dihenti tugas menyebabkan lebih lima juta penduduk melibatkan 1,292 kawasan di tujuh wilayah di kawasan Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air.

Isu itu turut mendapat perhatian Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menzahirkan rasa duka cita dengan nasib yang terpaksa ditanggung rakyat di negeri itu.





<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>23 September 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Abdul Kahar belajar setakat darjah lima
Muka Surat	:	8

## Pengikut dijanjikan jalan singkat masuk syurga

# Abdul Kahar belajar setakat darjah lima

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB** dan **RASDAN AHMAD**

**SHAH ALAM** – Ramai individu terpengaruh dengan ajaran sesat Rasul Melayu yang diasaskan oleh Abdul Kahar Ahmad kerana dijanjikan jalan singkat ke syurga.

Satu sumber berkata, ini berikutan ajaran tersebut dipercayai memudahkan urusan pengikutnya berbanding ajaran Islam termasuk kewajipan mendirikan solat fardu.

Katanya, pengikut ajaran itu didakwa hanya perlu membuat kebaikan dan menjauhkan diri daripada perbuatan mungkar tanpa perlu bersujud kepada Allah.

“Mereka juga tidak perlu solat Jumaat, sebaliknya ibadah itu digantikan dengan berkumpul dan mengadakan aktiviti agama seperti membaca buku tafsir.

“Para pengikut perlu mengikut ceramah daripada ketua kumpulan yang dilantik oleh Ahmad Kahar yang diadakan pada setiap

Jumaat,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sumber itu memberitahu, Ahmad Kahar menerima pendidikan setakat darjah lima dan mempelajari ilmu agama daripada bapanya yang merupakan imam sebuah masjid di Hulu Kelang dekat sini.

Walaupun pernah isytihar dirinya sudah bertaubat dan menandatangani Dokumen Pengisytiharan Taubat Majlis Agama Islam Selangor pada 2016, Abdul Kahar masih tak serik untuk menghidupkan semula ajaran itu.

“Dia masih tidak boleh melepaskan keagungan dirinya sebagai rasul dan pemimpin kumpulan ajaran Abdul Kahar,” katanya.

Ahli kumpulan itu bergerak aktif memungut dana menerusi laman Facebook dan WhatApps sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sejak Mac lalu.

“Kita masih menyiasat latar belakang 16 pengikutnya yang ditahan. Mereka ditempatkan di Penjara Sungai Buloh dan Kajang sementara menunggu tarikh percaraan,” katanya.

Sementara itu, pendakwah bebas, Mohd. Rizalman Ahmad berkata, senario individu moden hari ini yang mahu sesuatu yang ringkas dan pantas, namun masih kekal dalam Islam menyebabkan mereka mudah terpedaya oleh

penyebarkan ajaran sesat.

“Kita tahu ajaran sesat yang ada di negara ini menganjurkan kaedah ringkas terutamanya dalam bab solat dan nikah.

“Ada ajaran yang menyatakan pengikutnya tidak perlu mendirikan solat cukup sekadar niat, jadi faktor inilah yang mendorong mereka (pengikut) terpengaruh dengan ajaran sesat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Dalam pada itu, pakar motivasi, Nik Nabil Nik Alwi pula memberitahu, penyebarkan ajaran sesat biasanya bersikap pentingkan diri sendiri dan mahukan dirinya dijulang, disembah dan dihormati oleh pengikutnya.

*Kosmo!* semalam melaporkan JAIS berjaya membongkar cubaan seorang ketua ajaran sesat, Abdul Kahar Ahmad untuk menghidupkan semula fahaman Rasul Melayu yang dikesan kembali aktif sejak April tahun lalu.

Dalam operasi pada Ahad lalu itu, pihak berkuasa menahan lelaki berusia 70 tahun tersebut bersama 16 pengikutnya terdiri daripada lapan lelaki dan lapan perempuan yang berusia 14 hingga 70 tahun.

Risikannya mendapati fahaman ajaran tersebut disebar dalam kalangan pengikut seramai 97 individu menerusi pembentukan kumpulan aplikasi di Facebook dan WhatsApp.



**KERATAN Kosmo! semalam.**





## **KERATAN AKHBAR** **23 September 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jalin kerjasama tangani ajaran sesat
Muka Surat	:	20

# **Jalin kerjasama tangani ajaran sesat**

**SEPANG** - Kerajaan akan membentuk kerjasama dengan jabatan agama negeri bagi mengekang penyebaran ajaran sesat di negara ini termasuk ajaran sesat 'Rasul Melayu'.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, kerjasama itu akan dilaksanakan antara pihaknya dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

"Kita akan melaksanakan (kerjasama) ini. Saya ambil peringatan (ambil berat) isu ini," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia yang disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Hotel Sama-Sama, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai ajaran sesat 'Rasul Melayu' yang dikesan kembali aktif menyebarkan

kan agamanya yang diharmonikan pada tahun 1991.

Zulkifli berkata, usaha itu perlu dilakukan memandangkan ada antara kes ajaran sesat berlaku di kawasan sempadan antara negeri seperti kes 'Rasul Melayu' yang beroperasi di Gombak yang bersempadan dengan Kuala Lumpur.

Menurutnya, bagi mengekang penyebaran ajaran sesat juga, pihaknya akan menerbitkan buku atau makalah yang akan diedarkan agar ia dapat memberi kefahaman kepada masyarakat berhubung isu itu.

Sementara itu, menyentuh mengenai Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia itu, beliau berkata, program itu diharapkan dapat mewujudkan satu mekanisme untuk menzahirkan satu kesepakatan dengan semua institusi fatwa di Malaysia bagi memperkukuhkan fungsi dan peranan fatwa dalam perundangan di negara ini.



**Zulkifli (tengah) pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia di Hotel Sama-Sama, Sepang semalam.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>23 September 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Iantik empat Hakim Syarie
Muka Surat	:	23

# Sultan Iantik empat Hakim Syarie

Menjadi Anggota  
 Panel Tetap Hakim  
 Mahkamah Rayuan  
 Syariah negeri Selangor

## SHAH ALAM

**S**ultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada empat Hakim Syarie sebagai Anggota Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah negeri dalam satu istiadat ringkas di Istana Bukit Kayangan di sini.

Empat anggota panel tetap yang dilantik itu adalah Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan tiga Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM iaitu Mohd Amran Mat Zain, Datuk Mohamad Shakir Abdul Hamid dan Othman Ibrahim.

Pelantikan Mohd Na'im dan



Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada empat Hakim Syarie sebagai Anggota Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah negeri di Istana Bukit Kayangan semalam.

Mohd Amran berkuat kuasa pada 25 Ogos lepas hingga 24 Ogos 2023 manakala pelantikan Mohamad Shakir serta Othman pula berkuat kuasa pada 4 Mei lepas hingga 3 Mei 2023 selaras dengan Subseksyen 57(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada sembilan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor, dua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, seorang Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dan tiga Penolong Pendaftar

Mahkamah Rendah Syariah Selangor.

Pelantikan yang berkuat kuasa bermula 9 Mei, 13 Mei dan 25 Ogos lepas itu dibuat mengikut Subseksyen 59(1), Seksyen 60 dan 60(b) serta 60(c) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Turut berangkat ke istiadat itu adalah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohammed Kushrin Munawi dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Pada istiadat sama, Sultan Sharafuddin turut berkenan melancarkan Pelan Strategik MAIS 2020-2024 (PSM 2020-2024).

PSM 2020-2024 merangkumi sembilan strategi antaranya melahirkan generasi rabbani, pemerkasaan usahawan Muslim dalam industri halal dan memperkasakan pengurusan sumber ekonomi Islam. - *Bernamea*





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**23 September 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tengku Ahmad Shah dikurnia gelaran Tengku Panglima Raja Selangor
Muka Surat	:	23

Tengku Ahmad Shah  
dikurnia gelaran  
Tengku Panglima  
Raja Selangor

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan gelaran Tengku Panglima Raja Selangor kepada adinda baginda, Tengku Ahmad Shah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Istana Selangor dalam satu kenyataan semalam memaklumkan pengurniaan gelaran yang berkuat kuasa 12 Ogos lepas itu dilakukan selepas Sultan Sharafuddin berunding dengan Dewan Diraja Selangor dalam Mesyuarat Dewan Diraja Selangor yang ke-153.

“Tengku Ahmad Shah sebelum ini menyandang gelaran Tengku Indera Setia yang dikurniakan semasa pemerintahan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 9 Mei 1992,” demikian menurut kenyataan itu. -*Bernama*



**KERATAN AKHBAR**  
**23 September 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bukan hanya salah Sathianathan
Muka Surat	:	38

# Bukan hanya salah Sathianathan

Oleh MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

**P**ERSATUAN Bola Sepak Selangor (FAS) perlu melakukan rombakan dalam pasukan jika mahu memastikan Gergasi Merah kembali digeruni dalam kanchah Liga Malaysia (Liga-M).

Bekas pemain kebangsaan dan Selangor, Khalid Ali berkata, ketidakupayaan Selangor untuk memberikan cabaran dalam saingan Liga-M musim ini tidak harus dipersalahkan sepe-

nuhnya kepada B Sathianathan yang dipecat oleh badan induk bola sepak negeri itu kelmarin. Sebaliknya, beliau berkata, FAS perlu melihat secara menyeluruh apa yang berlaku dalam pasukan sebelum mengambil keputusan drastik memecat bekas pengendali skuad kebangsaan itu.

"Tetapi ia sudah menjadi lumrah dalam bola sepak. Apabila pasukan tewas, sudah tentu yang akan dipersalahkan adalah jurulatih. Kalau boleh dilihat balik, mungkin ada kekurangan kepada pemain dan beberapa faktor lain," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Kelmarin, FAS membuat keputusan memecat Sathianathan berkuatkuasa serta-merta selepas kekalahan 1-6 kepada Johor Darul Ta'zim (JDT) dalam aksi Liga Super di Stadium Sultan Ibrahim Sabtu lalu.

Mengulas lanjut, Khalid mengakui tidak terperanjat dengan pemecatan selepas kekalahan tersebut, apatah lagi timbul desakan daripada para peminat dan penyokong yang mahu Sathianathan disingkirkan.

"Pasukan yang Selangor lawan itu pun JDT yang macam saya cakap akan jadi juara sampai 10 tahun lagi. JDT te-

lah pergi jauh daripada pasukan lain. Saya tak terkejut (Sathianathan dipecat) kerana semua menuding jari kepada jurulatih, lebih-lebih lagi kekalahan besar itu mungkin menjejaskan maruah Selangor.

"Pada masa sama, FAS seharusnya mencari cara untuk memastikan Selangor dapat jadi pencabar dalam tempoh terdekat. Dari segi pemain, kita kena tengok sesuai tak dengan pasukan," ujarnya.

Dalam pada itu, Khalid turut mahu FAS menyingkirkan sebilangan individu yang tidak profesional dalam persatuan tersebut yang dilihat menjadi masalah besar kepada prestasi Gergasi Merah.

"Saya berbangga kerana Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah berjaya melakukan banyak perubahan dalam persatuan dan pasukan. Saya percaya dalam masa dua atau tiga tahun lagi, Selangor akan kembali menjadi sebuah pasukan pencabar dalam liga.

"Namun, masih ada dalam persatuan itu individu yang tidak profesional sama seperti yang berlaku dalam ahli jawatankuasa terdahulu. Perkara ini perlu diperbaiki sekiranya kita mahu melihat perubahan dalam pasukan Selangor," tegasnya.



**B SATHIANATHAN**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>23 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
